

NO. SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan dengan kejatuhan nilai ringgit, berapakah jumlah pelancong asing yang berjaya ditarik untuk datang ke negara ini.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kejatuhan nilai ringgit sememangnya memberikan **pulangan nilai untuk wang** (*value for money*) kepada pelancong asing untuk melancong ke Malaysia antaranya dari **China, Thailand, Indonesia, Brunei dan Taiwan** yang telah menjadikan negara ini sebagai destinasi pelancongan pilihan mereka.

Oleh yang demikian, kehadiran pelancong telah **meningkat** sebanyak **+4.0%** pada tahun **2016** dengan kehadiran seramai **26,757,392** pelancong asing berbanding dengan tahun 2015 sebanyak **25,721,251** pelancong sahaja.

Sungguhpun begitu, bagi tempoh **Januari hingga Ogos 2017**, jumlah ketibaan pelancong asing ke Malaysia telah menyusut **-1.5%** kepada **17,343,557** orang berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

- (i) **Kelemahan nilai matawang ringgit** disebaliknya telah menyebabkan kos melaksanakan aktiviti-aktiviti pemasaran di luar negara meningkat dan tidak dapat dijalankan seperti yang telah dirancang;

- (ii) Tambahan pula, **kenaikan kos** pengiklanan dan promosi di luar negara, juga telah menyebabkan kurangnya pengiklanan dan promosi jenama Malaysia mendapat pendedahan dan perhatian;
- (iii) Ini sekaligus telah menyebabkan pengusaha pelancongan dan pelancong asing **mengetepikan Malaysia** sebagai pilihan destinasi dan promosi pakej pelancongan mereka; dan
- (iv) Kekurangan ini juga telah digunakan oleh negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Singapura, Filipina dan Vietnam yang giat mempromosikan negara masing-masing sebagai destinasi pelancongan dan telah menyebabkan **persaingan tinggi** kepada Malaysia untuk menarik pelancong asing ke negara ini.

Sekian, terima kasih.